

Maju dalam industri berat

Kita perlu contoh Finland



■ TENGKU AHMAD
RITHAUDEEN

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata Malaysia yang baru sahaja melancarkan rancangan industri beratnya bagi tahun-tahun 80an, perlu banyak belajar dari pengalaman Finland.

Berucap merasmikan "Minggu Teknologi Finland" di sini semalam, beliau berkata Finland maju setapak demi setapak dari mengeluarkan barang-barang teknologi tinggi hingga kepada penyelidikan dan pembangunan, inovasi teknikal dan pengeluaran baru.

Menurutnya, Malaysia dan Finland perlu mengadakan lebih banyak pertukaran sama ada di peringkat Kerajaan maupun di peringkat sektor swasta bagi mendorong kesedaran dan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua negara.

Terdapat beberapa persamaan antara kedua negara dan ini merupakan satu pertanda baik bagi meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi.

"Sebagai negara kecil dari segi penduduk dan keluasan kawasan dan juga berorientasikan pembangunan perindustrian, Finland dan Malaysia sedang berusaha menyusun semula ekonomi dan perusahaan masing-masing dengan tujuan memasuki industri berat dan industri teknologi tinggi," ujarnya.

Mengenai hubungan perdagangan antara kedua negara, Tengku Rithauddeen berkata ia berkembang dengan memuaskan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata walaupun jumlahnya hanya 0.06 peratus berbanding dengan jumlah perdagangan dunia, dari segi peratus ia berkembang lima kali ganda dari \$4.7 juta dalam tahun 1975 kepada \$27 juta tahun lalu.

Menyentuh tentang pelaburan, menteri itu berkata pelaburan Finland di negara ini masih lagi kecil.

Katanya, jumlah pelaburan dari negara-negara Scandinavia masih lagi 0.006 peratus atau \$13.3 juta daripada jumlah pelaburan luar sebanyak \$2,010 juta dalam tahun 1979.

Tengku Rithauddeen berharap para pelabur Finland akan mengkaji secara aktif peluang menubuhkan usahasama di Malaysia.

Beliau gembira kerana Persatuan Perdagangan Finland-Malaysia ditubuhkan di Helsinki awal tahun ini yang merupakan satu langkah ke arah meningkatkan kerjasama.

Kira-kira 20 syarikat terkemuka Finland menyertai minggu tersebut yang bermula hari ini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia